

Barat cuba gugat kestabilan — PM

KUCHING 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan sikap sesetengah negara Barat yang cuba menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara ini dengan menuduh Malaysia tidak demokratik.

Katanya, Barat menuduh Malaysia tidak demokratik kerana tidak berlaku pertukaran kerajaan setiap kali pilihanraya dijalankan.

“Mereka kata kita tidak demokratik... kononnya kita tidak menukar kerajaan. Setiap kali pilihanraya, apa yang berlaku ialah kerajaan yang sama telah memerintah sejak merdeka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menamatkan lawatan rasmi selama dua hari ke Sarawak.

Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku sekarang adalah pilihan rakyat.

“Rakyat bukan sahaja berhak menolak kerajaan yang sedang memerintah tetapi memilih semula kerajaan itu... oleh itu kita demokratik.

“Saya tidak faham kenapa mereka kata kita tidak demokratik hanya kerana kita tidak menukar kerajaan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin sikap Barat untuk melihat kerajaan bertukar adalah bertujuan untuk melihat pelabur tidak datang ke negara ini.

Katanya, ramai yang memerintah melalui sistem demokrasi di Barat tidak senang hati kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang kukuh dan disokong oleh majoriti rakyat.

“Mereka lebih suka kalau kita mempunyai kerajaan yang bertukar-tukar setiap kali kita mengadakan pilihanraya.

“Saya tidak tahu sama ada keinginan mereka untuk melihat kita menukar kerajaan setiap kali pilihanraya ialah kerana mereka faham itulah demokrasi atau mereka lebih suka melihat kita lemah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau menganggap negara-negara Barat tidak ingin melihat Malaysia diperintah oleh kerajaan yang kuat yang boleh membuat keputusan yang membawa manfaat kepada rakyat.

Tegas Dr. Mahathir, di Malaysia pembangunan selepas merdeka bukan sahaja jauh lebih pesat sewaktu dijajah malah kadang-kadang lebih pesat dari negara-negara maju lain.

“Ini tidak memberi kesempatan kepada mereka (Barat) untuk mendakwa bahawa keadaan dijajah adalah lebih baik daripada keadaan kita merdeka,

"Bila kerajaan bertukar... dasar juga akan bertukar... bila dasar bertukar pelabur tidak mahu melabur sama ada dari dalam atau luar negara dan apabila pelabur tidak mahu melabur ekonomi kita tidak dapat maju... inilah niat mereka," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, Barat sememangnya ingin menggugat kestabilan politik dan ekonomi di negara ini melalui cara tersebut kerana tidak mahu Malaysia maju.

"Pada pendapat saya mereka tidak senang hati

kalau kita maju, sebaliknya kalau tidak maju mereka akan berkata kita tidak tahu memerintah diri sendiri... jadi semuanya tidak kena," katanya.

Kata Dr. Mahathir, negara Barat sememangnya mempunyai tabiat untuk menghasut sesuatu pihak di sesebuah negara supaya menentang kerajaan yang memerintah.

"Ini memang tabiat mereka bila mereka melihat sesuatu kerajaan... mereka memberi galakan kepada orang yang menen-

tang kerajaan supaya menjatuhkan kerajaan itu.

"Tetapi bila kerajaan yang baru itu mengambil alih mereka pula akan ditentang oleh negara asing ini dan sekali lagi mereka (kerajaan yang memerintah) akan dituduh tidak demokratik supaya akan ada orang lain pula yang akan cuba menjatuhkan kerajaan itu," katanya.

Keadaan ini, kata Dr. Mahathir, menampakkan seolah-olah negara-nega-

ra Barat tidak suka melihat kestabilan wujud dalam negara membangun seperti Malaysia.

Terdahulu dari itu, ketika berucap merasmikan Ibu Pejabat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, pengalaman yang diperolehi oleh Malaysia telah menunjukkan bahawa kerajaan yang kukuh dan kuat adalah lebih berkesan dalam memerintah sesebuah negara.

kita menunjukkan kepada mereka bahawa kita mampu memerintah dengan lebih baik daripada mereka.

"Sebab itu hari ini, negara kita menjadi salah satu daripada negara termaju di antara negara-negara yang membangun dengan pertumbuhan ekonomi lebih lapan peratus setahun dengan peralihan daripada sebuah negara yang mengeluarkan barangan bahan mentah seperti bijih timah, kelapa sawit, getah dan sebagainya kepada negara industri," katanya.